

# DEXFEN SYRUP

Dextromethorphan hydrobromide (15mg dalam setiap 5ml)

## Apakah di dalam risalah ini:

1. Apakah kegunaan Dexfen Syrup
2. Bagaimana Dexfen Syrup berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexfen Syrup
4. Cara menggunakan Dexfen Syrup
5. Semasa menggunakan Dexfen Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexfen Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Dexfen Syrup

Dexfen Syrup digunakan untuk merawat batuk tidak berkahak dan mengurangkan rasa untuk batuk.

## Bagaimana Dexfen Syrup berfungsi

Dexfen Syrup mengandungi dextromethorphan sebagai bahan aktif. Dextromethorphan berfungsi dengan mengurangkan refleks batuk dalam otak.

## Sebelum menggunakan Dexfen Syrup

- Bila tidak boleh mengambil  
Jangan ambil ubat ini jika:
  - anda alah kepada dextromethorphan atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
  - anda sedang atau telah mengambil dalam tempoh 2 minggu, ubat-ubatan untuk kemurungan yang dipanggil *Monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs).

- Sebelum mengambil Dexfen Syrup

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengalami:

- batuk yang berlarutan selama beberapa minggu.
- batuk disertai dengan kahak yang banyak.
- masalah hati

Apabila digunakan untuk merawat batuk dan selesema:

- (a) Tidak digunakan jika anak anda berumur di bawah 2 tahun
- (b) Digunakan dengan berhati-hati di bawah nasihat doktor atau ahli farmasi jika anak anda berumur 2 hingga 6 tahun.

## Mengandung dan menyusukan anak

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan anak sebelum menggunakan ubat ini.

Dextromethorphan hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika manfaatnya lebih daripada risiko kepada janin.

Tidak diketahui sama ada Dexfen Syrup dirembeskan ke dalam susu ibu atau tidak, namun, disebabkan risiko kesan sampingan pada bayi, anda hanya boleh mengambil ubat ini jika manfaatnya lebih daripada risiko.

## -Mengambil ubat-ubatan lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasa raya, atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil:

- ubat lain yang juga mengandungi dextromethorphan
- ubat untuk kemurungan yang dipanggil *Monoamine oxidase inhibitors* (MAOIs).

## Cara menggunakan Dexfen Syrup

- Berapa banyak harus diambil

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dewasa dan kanak-kanak berumur 12 tahun ke atas:

Ambil 10 ml (2 sudu teh) setiap 6 hingga 8 jam.

Dos maksima yang boleh diambil dalam tempoh 24 jam ialah 40 ml.

Kanak-kanak berumur 6 hingga 12 tahun:

Ambil 5 ml (1 sudu teh) setiap 6 hingga 8 jam.

Dos maksima yang boleh diambil dalam tempoh 24 jam ialah 20 ml.

- Bila perlu digunakan

Ambil setiap 6 hingga 8 jam atau seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu diambil

Ambil ubat ini mengikut tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak ubat ini boleh menyebabkan mengantuk, berasa teruja, kekeliruan, keletihan, gerakan mata tidak terkawal, hilang koordinasi, pernafasan perlahan, mual, muntah, dan terlalu aktif.

# DEXFEN SYRUP

Dextromethorphan hydrobromide (15mg dalam setiap 5ml)

## Semasa menggunakan Dexfen Syrup

### - Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dexfen Syrup.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan mengambil ubat bersama alkohol.

Jangan mula menggunakan sebarang ubat baharu tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Dexfen Syrup kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera.

Jika Dexfen syrup menyebabkan anda rasa mengantuk, pening atau menjejaskan tumpuan, jangan memandu atau menggunakan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain Dexfen Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan termasuk mengantuk, pening, rasa teruja, kekeliruan, dan ketidakselesaan perut.

Kesan sampingan selain daripada yang disenaraikan di sini juga boleh berlaku.

Bincangkan dengan doktor anda mengenai sebarang kesan sampingan yang tidak biasa atau yang sangat mengganggu.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npa.gov.my](http://npa.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*]

## Cara penyimpanan dan pelupusan Dexfen Syrup

### - Penyimpanan

Jauhkan dari jangkauan dan penglihatan kanak-kanak.

Simpan dalam bekas yang tertutup. Lindungi daripada cahaya.

Simpan di tempat yang kering di bawah suhu 30 ° C.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air sisa atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap berwarna oren dengan rasa buah.

### - Bahan-bahan kandungan

#### - Bahan aktif

Dextromethorphan hydrobromide

#### - Bahan tidak aktif

Sunset yellow colour, citric acid monohydrate, carboxymethylcellulose sodium, refined sugar, raspberry flavour, sodium benzoate, Glycerin, purified water.

### - Nombor MAL

MAL06021205AZ

## Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.,

Lot 5030, Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Sterilline Sdn. Bhd.,

Lot 5979, Jalan Teratai, 5 ½ Mile Off Jalan Meru, 41050 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

09/08/2024

## Nombor Siri

NPRA(R4/1)310724/00096